

07/02/1998

Mata wang Asean: PM, Ramos sepakat (HL)

Lichong Angkui in Manila

MANILA, Jumaat - Gabenor Bank Pusat negara Asean disaran mengadakan pertemuan segera untuk membincangkan isu kegawatan ekonomi rantau ini, termasuk soal penggunaan mata wang Asean dalam urusan perdagangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sehubungan itu berkata, beliau akan memulakan daya usaha bagi melaksanakannya sekembali ke Kuala Lumpur nanti.

Katanya, pertemuan Gabenor Bank Pusat berkenaan antara lain akan mencari mekanisme terbaik meningkatkan perdagangan dengan menggunakan mata wang Asean.

"Kita berharap perkara ini dilaksanakan secepat mungkin," katanya ketika ditemui wartawan selepas mengadakan perbincangan dan menghadiri jamuan malam bersama Presiden Filipina, Fidel Ramos di Istana Malacanang, di sini, malam ini.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta beberapa pegawai kanan kerajaan, tiba jam 4 petang ini dari Bangkok. Perdana Menteri dalam rangka lawatan kerja ke tiga negara Asean.

Beliau mengadakan perbincangan dengan Ramos kira-kira dua jam, disusuli jamuan malam di istana Presiden.

Dr Mahathir yang akan berangkat ke Singapura pagi esok, berkata dalam pertemuan dengan Ramos, perbincangan tertumpu kepada soal mata wang Asean.

"Kita juga berbincang mengenai perlunya ditingkatkan perdagangan di kalangan negara Asean dengan menggunakan mata wang Asean," katanya.

Sehubungan itu, katanya Gabenor Bank Pusat negara Asean perlu berbincang dan mencari mekanisme terbaik melaksanakannya, terutama aspek pembayaran.

Beliau berkata, Ramos menunjukkan sikap positif berhubung perkara itu dan mencadangkan supaya buat permulaan, beberapa negara Asean menubuhkan kumpulan kerja.

Katanya, tiga negara Asean iaitu Malaysia, Thailand dan Filipina akan mempelopori usaha itu.

Ditanya reaksi Ramos mengenai penggunaan mata wang Asean dalam perdagangan serantau, Dr Mahathir berkata, ia akan diberi pertimbangan dan untuk sementara waktu ia ditumpukan kepada urusan dengan rakan perdagangan.

Beliau berkata, kerjasama di kalangan negara Asean perlu ditingkatkan kerana ia penting dalam menghadapi masalah atau isu di peringkat global.

Mengenai peranan Jepun untuk membantu Asean, Dr Mahathir berkata, beliau tidak membincangkannya dengan Ramos, tetapi berpendapat Jepun perlu berfungsi lebih besar di Asean.

"Jepun perlu bersikap terbuka membantu Asean memulihkan ekonomi," katanya,

Beliau berkata, keadaan ekonomi di rantau ini sudah menunjukkan pemulihan yang memberangsangkan dan berharap ia akan berterusan.

(END)